



## KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN

Aras G-7, Blok 2, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya

Tel: 03-8889 7888 Faks: 03-8889 7957

Laman web: [www.kwp.gov.my](http://www.kwp.gov.my)

# SIARAN MEDIA

## UNTUK LIPUTAN MEDIA MASSA

### PROGRAM KENDURI 1WILAYAH PERSEKUTUAN DI PARLIMEN CHERAS DEKATKAN PEMIMPIN DENGAN RAKYAT

**KUALA LUMPUR, 11 Februari 2017** – Kira-kira 3,000 penduduk Parlimen Cheras menghadiri program Kenduri 1Wilayah Persekutuan anjuran Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) yang diadakan di PPR Pudu Ulu, Cheras.

YB Datuk Seri Tengku Adnan bin Tengku Mansor, Menteri Wilayah Persekutuan, YBhg. Datuk Seri Adnan bin Hj. Md Ikshan, Ketua Setiausaha KWP, YBhg Datuk Seri Hj. Mhd. Amin Nordin bin Abdul Aziz, Datuk Bandar Kuala Lumpur serta pemimpin-pemimpin tempatan turut hadir di program tersebut.

Kenduri 1Wilayah Persekutuan merupakan program *signature* sempena sambutan Hari Wilayah Persekutuan di bawah kluster program mesra rakyat yang diadakan di 13 lokasi mengikut Parlimen di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan.

Menerusi program ini berjaya mendekatkan rakyat dan pemimpin secara lebih akrab dan memberi impak yang positif kepada warga Wilayah Persekutuan khususnya dalam meningkatkan jalinan ukhwah sesama insan serta dapat menyatukan pelbagai kaum menerusi penglibatan semua pihak dalam penganjuran program ini.

Program ini juga turut mendapat kerjasama daripada Pusat-Pusat Khidmat Masyarakat, badan-badan bukan Kerajaan, Persatuan-Persatuan Penduduk, Majlis Perwakilan Penduduk serta Dewan-Dewan Perniagaan. Menerusi kerjasama serta sokongan ini, program Kenduri 1Wilayah Persekutuan dapat direalisasikan dengan lebih mantap, kemas dan seterusnya menjimatkan kos.

Kenduri 1Wilayah Persekutuan turut menjadi landasan dalam usaha KWP menzahirkan keseimbangan pembangunan modal insan warga Wilayah Persekutuan melalui pengisian aktiviti yang melibatkan penyertaan komuniti setempat. Malah menerusi program kenduri ini ia dapat menjadi salah satu landasan ke arah memacu perpaduan dan kestabilan sosial khususnya di kalangan warga kota.

Pelbagai aktiviti lain turut diadakan termasuk senamrobik, persempahan silat, sukan kanak-kanak, persempahan tarian tradisional, tarian singa pertandingan futsal, gusti lengan, pertandingan melukis, karaoke dan cabutan bertuah.

Disediakan Oleh:

Bahagian Komunikasi Korporat

Kementerian Wilayah Persekutuan

Kuala Lumpur

**11 Februari 2017**